

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 11 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

MENGANGKAT SUMPAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L3272
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah Terowong SMART dapat menyelesaikan masalah banjir kilat dan kesesakan lalu lintas di ibu negara Kuala Lumpur.
2. PN-1142-L2953
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tuntutan gaji minima dari kesatuan-kesatuan pekerja, faktor-faktor penimbangan dan keputusan Kerajaan atas tuntutan tersebut.
3. PN-1142-L3090
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang layak ke kursus kritikal di IPTA dari jurusan matrikulasi dan STPM dalam sesi pengambilan tahun 2007.
4. PN-1142-L3144
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana benarnya laporan Kerajaan Amerika Syarikat bahawa Malaysia tidak prihatin tentang penyeludupan orang dan sejauh mana pula dapat diharapkan Akta Anti Pernerdagangan Orang dalam menyelesaikan masalah ini.
5. PN-1142-L3533
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk meletakkan syarat mandatori bagi menggunakan cap ibu jari ke atas semua dokumen perundangan berkenaan pindah milik harta terutamanya tanah untuk mengelakkan 'fraud'.

6. PN-1142-L3583
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan serta langkah penguatkuasaan yang diambil oleh Kerajaan terhadap isu pembantu rumah warga asing yang didera dan bagaimanakah langkah diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembantu rumah agar ianya tidak dikategorikan sebagai "Pembantu Rumah Kelas E".
7. PN-1142-L3565
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah perbelanjaan pengangkutan yang terlibat untuk menghantar pelatih ke kem PLKN dari 2005 sehingga Jun 2007. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula polisi penempatan pelatih yang sedia ada supaya mereka ditempatkan ke kem yang terdekat demi menjimatkan kos.
8. PN-1142-L3049
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah dasar berbaik-baik dengan negara-negara jiran telah memberikan kesan positif kepada peningkatan kedudukan Malaysia sebagai pusat tarikan pelaburan dan modal luar.
9. PN-1142-L3036
Puan Mumtaz binti Md. Nawawi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah segera dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan khususnya dalam polisi keselamatan dan pemuliharaan pejabat-pejabat Kerajaan dalam menangani masalah kebocoran di lokasi awam dan pejabat Kerajaan yang dilaporkan berlaku hampir setiap minggu di seluruh negara kerana dikhuatiri ia akan membahayakan nyawa pegawai dan rakyat yang berurusan di tempat tersebut dan telah menjejaskan imej negara di mata dunia.
10. PN-1142-L3622
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dan memperjelaskan kepentingan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dalam menilai prestasi anggota perkhidmatan awam. Apakah cara-cara pendekatan lain yang boleh diperkenalkan untuk melaksanakan PTK untuk memberi keyakinan bahawa ia adalah satu sistem yang berkesan.
11. PN-1142-L3279
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang telah dikeluarkan (delisted) dari Bursa Malaysia dari tahun 1999 hingga sekarang iaitu tahun 2007 dan mengapa ianya dikeluarkan dari senarai Bursa Malaysia.

12. PN-1142-L3434
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian menjalankan apa-apa kajian mengenai kesan banjir kilat terhadap peningkatan kes demam denggi di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan apakah usaha dan program khusus pencegahan kes demam denggi yang telah dilakukan selepas kejadian itu yang berlaku pada 10hb. Jun 2007 lalu; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam usaha program pencegahan kes demam denggi di seluruh negara pada tahun 2004, 2005 dan 2006.
13. PN-1142-L3547
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk memberi pencen terbitan kepada isteri pesara yang ketika mereka berkahwin suami telah pun bersara dan apabila suami atau pesara berkenaan meninggal, isteri tidak dapat pencen terbitan sedangkan tanggungan masih ada.
14. PN-1142-L2993
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah negara kita terlalu bergantung kepada penanaman kelapa sawit sehinggakan tidak memberi tumpuan kepada tanaman-tanaman dan komoditi lain seperti getah asli dan sama ada terdapat rancangan atau 'safety-net', yang telah disediakan bagi mengatasi masalah-masalah yang mungkin terjadi sekiranya harga pasaran bagi kelapa sawit jatuh ataupun ancaman-ancaman dari pelbagai unsur seperti Amerika Syarikat yang ingin melemahkan dan menggagalkan industri kelapa sawit negara.
15. PN-1142-L3449
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian selain daripada menyekat laman web skim pelaburan bagi mengatasi gejala pelaburan haram di Internet yang semakin berleluasa.
16. PN-1142-L3531
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian dengan memperkenalkan pemberian jarum suntikan, kondom dan metadon secara percuma kepada penagih-penagih najis dadah untuk membendung penularan penyakit AIDS. Berikan bilangan pesakit AIDS sejak tahun 2004 hingga April 2007 mengikut pecahan negeri dan jantina di seluruh negara.

17. PN-1142-L3106
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penyelarasan dan pemantauan agensi dan jabatan yang bertindak meluluskan sijil halal dan mekanisme penguatkuasaan bagi menangani tindakan pengusaha-pengusaha makanan dan restoran yang sewenang-wenangnya mencetak dan mempamerkan logo halal mereka sendiri.
18. PN-1142-L3421
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan harga barang-barang keperluan harian termasuk barang asas tani seperti ikan dan sayur-sayuran tidak melambung naik dan membebankan rakyat.
19. PN-1142-L3157
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah pengemis yang semakin bertambah di negara ini.
20. PN-1142-L3510
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengeluarkan garis panduan dan menyeragamkan yuran awal tahun persekolahan murid dan pelajar supaya kadar yuran yang ditetapkan kelak seimbang dan tidak lagi membebankan ibubapa.
21. PN-1142-L3076
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Jabatan Tenaga Kerja bagi memperbaiki keadaan perumahan dan menyediakan kemudahan asas bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat sektor ladang supaya para pekerja ladang di seluruh negara juga turut serta dapat menikmati arus pembangunan negara.
22. PN-1142-L3209
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan penjelasan mengenai cadangan mewujudkan 15,000 rangkaian Restoran Malaysia di luar negara:-
- (a) apakah menu-menu utama yang akan diperkenalkan di rangkaian restoran Malaysia; dan
 - (b) adakah Bahasa Malaysia akan digunakan oleh pekerja-pekerja di Restoran Malaysia.

23. PN-1142-L3188
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan mewujudkan masyarakat bebas daripada rokok mengapakah tidak disyorkan harga rokok dinaikkan secara berterusan bagi mengurangkan bilangan perokok.
24. PN-1142-L3217
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Biro Bantuan Guaman tidak memberi kerjasama kepada Mahkamah Bergerak di Sabah sedangkan banyak kes yang dikendalikan adalah juga mengenai permohonan daftar lewat surat kelahiran dan aduan guaman.
25. PN-1142-L3407
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah sukar untuk mendapatkan kelulusan rumah mesra rakyat, sedangkan tanah dan lain-lain keperluan telah diselesaikan.
26. PN-1142-L3276
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada usaha telah diambil bagi menyekat jabatan-jabatan Kerajaan yang sengaja berbelanja boros pada hujung-hujung tahun semata-mata disebabkan peruntukan yang tidak habis dibelanjakan tidak boleh bawa ke tahun hadapan.
27. PN-1142-L3348
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan statistik kadar kemiskinan terkini (tahun 2006) dan pendapatan perkapita mengikut negeri-negeri bagi masyarakat Orang Asli Semenanjung dan apakah program-program dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Komprehensif Ekonomi sekarang telah menampakkan keberkesanannya.
28. PN-1142-L3535
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah usaha-usaha untuk memperkenalkan Standard Guru Malaysia yang akan dijadikan penanda aras untuk dibandingkan dengan standard pengajaran antarabangsa yang lain; dan
 - (b) apakah cabaran dan halangan yang akan dihadapi apabila penanda aras ini dilaksanakan dan apakah pula kelebihan yang diperolehi.
29. PN-1142-L3073
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan terdekat serta jangka panjang Kerajaan bagi memajukan negeri-negeri di Koridor Timur.

30. PN-1142-L3632
Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang membangunkan semula pawagam-pawagam (digital) di seluruh negara seperti yang pernah dilakukan oleh UDA sebelum diswastakan.
31. PN-1142-L3367
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah cadangan memperkasakan "standard profesion perguruan" dapat meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan standard pengajaran antarabangsa.
32. PN-1142-L3456
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa jumlah usahawan wanita Bumiputera telah berjaya di Sabah selepas mengikuti kursus-kursus keusahawanan dalam pelbagai kursus, adakah para peserta (usahawan wanita) diberi pendedahan lain untuk mendalami atau mempelajari bidang keusahawanan lebih meluas.
33. PN-1142-L3614
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah terjadi kelewatan visa umrah untuk umat Islam ke Tanah Suci tahun ini apakah disebabkan kaedah baru dalam pengeluaran visa oleh Kedutaan Arab Saudi atau kelemahan dari agen-agen pelancongan.
34. PN-1142-L3228
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) adakah buku garis panduan mengenai perpaduan telah diguna pakai di semua IPTA; dan
 - (b) apakah perkembangan kegunaan buku ini.
35. PN-1142-L3006
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah JKR perlu kuasa penuh dan pindaan akta untuk menyelenggara tahap keselamatan semua bangunan Kerajaan. Berapa banyak kontraktor yang dikenakan tindakan kerana menyiapkan bangunan Kerajaan yang tidak berkualiti dan bermasalah.
36. PN-1142-L3591
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia di dalam menghadapi jenayah seksual di tempat kerja serta apakah jaminan Kerajaan di dalam membantu mangsa jenayah seksual ini.

37. PN-1142-L3447
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh mana keberkesanan pembinaan sistem Terowong SMART ini bagi mengatasi banjir kilat di Kuala Lumpur sekiranya hujan yang lebat turun berterusan. Ini kerana sistem Terowong SMART yang dibina sekarang ini adalah bagi menyalurkan limpahan air dari Sungai Kelang, bagaimana jika hujan yang lebat berlaku pada Sungai Gombak pula.
38. PN-1142-L3233
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah akta yang akan diwujudkan bagi menjamin tapak asal Universiti Malaya dapat dikekalkan selamanya.
39. PN-1142-L3025
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit yang mati akibat daripada menunggu giliran untuk dirawat yang disebabkan kekurangan sama ada doktor pakar atau perubatan hospital-hospital Kerajaan sepanjang 3 tahun kebelakangan ini.
40. PN-1142-L3310
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada insurans kesihatan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
41. PN-1142-L3142
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan kes pembantu rumah yang melarikan diri semakin menjadi-jadi, setakat ini berapakah jumlah kes yang telah dilaporkan kepada Kementerian dan apakah tindakan Kementerian terhadap pembantu rumah yang dapat dikesan balik.
42. PN-1142-L3108
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengenai pengeluaran Visa Sejurus Tiba (VOA) sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 yang banyak menimbulkan masalah berikutan 20,481 orang pelancong tinggal melebihi tempoh daripada 36,701 VOA yang dikeluarkan. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
43. PN-1142-L3440
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah pendekatan dan usaha Kementerian untuk menarik 100,000 pelajar asing pada tahun 2010 dalam usaha mempromosi negara sebagai pusat pendidikan serantau; dan

(b) bagaimanakah cara mengatasi beberapa kelemahan kritikal yang dikenal pasti terutamanya membabitkan universiti tempatan, seperti sistem penyampaian yang lemah sehinggalah kepada masalah taktik promosi yang ketinggalan.

44. PN-1142-L3460
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada reka bentuk plaza tol itu sendiri menyebabkan kesesakan berlaku pada setiap musim cuti dan perayaan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula reka bentuk yang ada bagi tujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku pada setiap kali cuti panjang. Jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ini.
45. PN-1142-L3347
Ir. Hiang A Li minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah insentif bagi pelabur asing yang melabur dalam projek-projek Pembangunan Koridor Timur.
46. PN-1142-L3520
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil dari penyertaan Malaysia Biotechnology Corporation dalam Konvensyen BIO 2007 di Boston baru-baru ini dan berapakah perbelanjaan sebenar penyertaan tersebut.
47. PN-1142-L3497
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana rasional menukarkan penggunaan Bahasa Melayu kepada Bahasa Malaysia.
48. PN-1142-L3482
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak akhir-akhir ini, laluan penerbangan ke bahagian Pantai Timur Sabah dan Sarawak yang dikendalikan FAX kerap kali tergendala. Masalah tersebut kadang kala memakan masa panjang dan kadang kala dibatalkan pada saat-saat akhir. Adakah Kerajaan sedar masalah ini dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasinya.
49. PN-1142-L3171
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melupuskan / mengurangkan kos pentadbiran PTPTN yang didakwa tidak wajar dimana sekiranya kos pentadbiran ini dilupuskan/ dikurangkan, bagaimana pula dengan peminjam yang telah melangsaikan pinjaman mereka.

50. PN-1142-L3168
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah jenis reka bentuk jalan yang diamalkan di negara ini. Adakah ia dibuat permukaan rata atau melengkung, iaitu tinggi di tengah dan rendah di tepi (camber surface) atau pun ia mengikut kaedah yang lain. Dari reka bentuk yang diamalkan, yang mana didapati sesuai yang boleh mengurangkan impak banjir melimpah ke atas jalan raya.
51. PN-1142-L3269
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan bagi program citrawarna bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 dan sejauh mana program tersebut dapat meningkatkan aktiviti pelancongan negara.
52. PN-1142-L3592
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk membenarkan petani-petani di Sekinchan, Selangor menjual hasil tanaman padi mereka terus kepada pembeli di seluruh negara tanpa melalui pihak Bernas.
53. PN-1142-L3418
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah pengiraan caruman yang dikenakan oleh IWK kepada pemaju bagi penyambungan saluran najis ke sistem pembuangan utama (central sewerage system).
54. PN-1142-L2980
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan yang telah dirangka bagi memajukan lagi 'medical tourism' negara terutama sekali bagi negeri Sarawak dan sama ada Kerajaan akan melibatkan hospital-hospital swasta di dalam usaha mereka.
55. PN-1142-L2942
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program bagi mendidik masyarakat agar mereka dapat diterap dengan nilai-nilai dan sahsiah yang membawa kepada "towering personality".
56. PN-1142-L3241
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setelah Akta Pertubuhan Belia 2007 dikuatkuasakan, sekiranya terdapat persatuan belia yang sedia berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan tetapi tidak berdaftar di bawah Pesuruhjaya Pertubuhan Belia, adakah Kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan ke atasnya.
57. PN-1142-L3218
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada Kementerian ini mempunyai kuasa atau tidak dalam mengkaji mutu serta manfaat rancangan-rancangan yang ditayangkan di stesen-stesen televisyen di negara ini.

58. PN-1142-L3550
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan bilangan dan taburan Perpustakaan Desa di seluruh negara sehingga Mei 2007 serta kriteria-kriteria pemilihan lokasi yang ditetapkan.
59. PN-1142-L2951
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan senarai perbelanjaan pembangunan dan pengurusan RMK-9 ke atas Sekolah Kebangsaan SJK (Cina) SJK (Tamil) dan Sekolah Rendah Agama Rakyat dan peratusan perbelanjaan antara semua jenis aliran ini pada setiap Rancangan Malaysia tersebut dan berapakah jumlah pelajar bagi setiap jenis sekolah ini.
60. PN-1142-L3309
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah kecenderungan sesetengah pihak media massa dan juga media elektronik yang lebih suka mensensasikan sesuatu laporan berita daripada melaporkan bagi tujuan penambahbaikan.
61. PN-1142-L3143
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sebarang usaha yang lain bagi membendung ancaman gengsterisme selain tindakan polis.
62. PN-1142-L3426
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan, pendakwaan dan penyitaan yang telah dibuat sejak lima (5) tahun ini ke atas penceroboh-penceroboh yang mencuri dan mengaut sumber-sumber perikanan di dalam perairan Malaysia dan apakah langkah-langkah pencegahan dan pemantauan yang diambil agar pencerobohan-pencerobohan ini dapat disekat pada masa hadapan.
63. PN-1142-L3291
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan 'non-smoking section' sama ada di dalam bilik Ahli Parlimen atau di Dewan Makan Parlimen kerana masih terdapat Ahli Parlimen dan pegawai Kerajaan yang merokok di tempat tersebut.
64. PN-1142-L3509
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah kumpulan pertama Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) akan ditempatkan di Jabatan Pelajaran dalam usaha mempertingkatkan dan penambahbaikan mutu pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan pendidikan.

65. PN-1142-L3490
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah syarikat yang mengusahakan pertanian dan penternakan secara bio-teknologi dan sejauh manakah kejayaannya.
66. PN-1142-L3122
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah tahap disiplin di sekolah-sekolah berada pada tahap teruk atau masih boleh diperbaiki.
67. PN-1142-L3246
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah keberkesanan hukuman yang dikenakan terhadap nelayan asing yang menceroboh perairan negara hingga menjejaskan tangkapan nelayan kita; dan
 - (b) adakah hukuman yang sedia ada mampu membendung perbuatan mereka yang merugikan negara ini.
68. PN-1142-L2998
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan memantau aktiviti 'Yayasan For The Future' di Malaysia. Apakah tindakan yang boleh diambil jika aktiviti yayasan tersebut mencampuri urusan politik negara.
69. PN-1142-L3098
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan mutu perkhidmatan kesihatan awam dan perubatan di Malaysia dapat dipertingkatkan lagi terutama terhadap golongan berpendapatan rendah.
70. PN-1142-L3251
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab-sebabnya Kementerian tidak menghadkan pelajar-pelajar Tingkatan 5 mengambil terlalu banyak subjek (sehingga 17 subjek) dalam peperiksaan SPM.
71. PN-1142-L3084
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menjadikan Pengakap sebagai program 'pathway' kepada PLKN kerana persamaan yang sedia ada di antara kedua-dua program tersebut serta jaringan aktiviti luas yang sedia wujud, memandangkan pada masa ini terdapat kira-kira 400,000 remaja berumur 18 tahun tidak terpilih menyertai PLKN dan menuntut peluang yang sama diberikan kepada mereka.

72. PN-1142-L2955
Puan GK Loga Chitra minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk merapatkan hubungan kaum di kalangan ahli-ahli masyarakat bukan Islam di bawah Skim Perumahan Rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.
73. PN-1142-L3128
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) mengenai masalah rokok seludup yang membanjiri pasaran; dan
 - (b) berapakah nilai rokok seludup yang berjaya dibanteras setakat ini.
74. PN-1142-L3601
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan projek-projek jalan raya dan lebuhraya di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan kelemahan-kelemahan dan kejayaan-kejayaan dalam melaksanakan projek ini.
75. PN-1142-L3247
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah pekerja asing perlu membayar deposit dengan pihak Kerajaan bagi tiket penerbangan balik apabila permit kerja mereka telah luput; dan
 - (b) berapa banyak agen pekerja asing yang telah dihukum kerana tidak mematuhi syarat-syarat Kementerian dan apa jenis kesalahan mereka.
76. PN-1142-L3379
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah suatu agensi penguatkuasaan akan ditubuhkan untuk memastikan keputusan dan perintah oleh Mahkamah-mahkamah Syariah dipatuhi.
77. PN-1142-L3377
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah langkah yang telah atau akan diambil bagi mewujudkan program pertukaran budaya dan maklumat bagi meningkatkan tahap kehidupan di kalangan masyarakat Orang-orang Asli yang tinggal di negara-negara Asia Pasifik atau mana-mana negara di dunia.
78. PN-1142-L3382
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapa masalah banjir masih berlaku di Kuala Lumpur. Apakah usaha untuk memastikan Kuala Lumpur bebas dari masalah banjir yang telah berlaku sejak sekian lama.

79. PN-1142-L3638
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan jangka panjang dan pendek Kementerian agar sektor pertanian makanan di negara ini dapat dipertingkatkan lagi bagi mengatasi masalah terlalu terus bergantung mengimport bahan tersebut daripada negara luar.
80. PN-1142-L3643
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sepanjang 'Operasi Ops Gaji' sudah berapa ramai pemborong-pemborong dan pekedai-pekedai yang telah diambil tindakan kerana menaikkan harga barang-barang dan apakah tindakan maksimum yang telah dikenakan kepada mereka ini.
81. PN-1142-L3658
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kenderaan persendirian yang bertukar tangan mulai tahun 2002 hingga Mei, 2007 mengikut negeri dan dari jumlah tersebut berapa yang bertukar tangan melibatkan kenderaan yang terlibat dalam jenayah seperti kenderaan curi termasuk kenderaan no. chasisnya yang telah dipinda.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 9/2007)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007 [Menteri Pengangkutan]	Bacaan Kali Yang Kedua
2.	(D.R. 1/2007)	Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 [Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]	“
3.	(D.R. 39/2006)	Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 [Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]	“
4.	(D.R.16/2007)	Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) 2007 [Menteri Keselamatan Dalam Negeri]	“
5.	(D.R. 17/2007)	Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]	“
6.	(D.R. 22/2007)	Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Perdana Menteri]	“
7.	(D.R. 18/2007)	Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]	“
8.	(D.R. 19/2007)	Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007 [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]	“
9.	(D.R. 20/2007)	Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007 [Menteri Kesihatan]	“
10.	(D.R. 23/2007)	Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007 [Menteri Pengangkutan]	“
11.	(D.R. 24/2007)	Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Menteri Pengajian Tinggi]	“

12. PN-1142-U3023

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaras kajian tersebut."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

13. PN-1142-U3024

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.107	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Kelapa Sawit (MPOB) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.115	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.120	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.139	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.140	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.141	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.142	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
ST.162	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Julai 2007
CMD.7	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia Bagi Tahun 2005	11 Julai 2007